

<b>RISALAH PENDEDAHAN PRODUK</b>	<b>Hong Leong Assurance Berhad</b>
<b>Baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Hong Leong SMART Wealth Insurance. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.</b>	<b>Hong Leong SMART Wealth Insurance</b>
	<<system date>>

Nota Penting: Produk ini ditaja jamin oleh Hong Leong Assurance Berhad, sebuah Syarikat insurans yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

## 1. Apakah produk ini?

- Hong Leong SMART Wealth Insurance ialah pelan berkaitan pelaburan dengan tempoh bayaran premium tiga (3) tahun dan perlindungan polisi sehingga umur 100.
- Pelan ini menawarkan pelbagai pakej Premium Tahunan untuk pilihan, bermula dari Standard (RM 30,000) hingga Ultimate (RM 1,000,000). Sila rujuk brosur produk untuk maklumat lanjut.
- Perlindungan insurans yang disediakan adalah untuk Kematian Sahaja.
- Bagi tempoh dua (2) tahun polisi pertama, faedah kematian yang perlu dibayar untuk kematian akibat bukan kemalangan adalah amaun yang lebih tinggi antara jumlah premium yang dibayar bagi polisi ini ditolak sebarang cukai yang dikenakan atas premium, sebarang pengeluaran dan sebarang faedah yang dibayar, atau Nilai Akaun pada tarikh penilaian seterusnya. Faedah kematian yang perlu dibayar untuk kematian akibat bukan kemalangan dari tahun polisi ketiga dan faedah kematian yang perlu dibayar untuk kematian akibat kemalangan untuk semua tahun polisi adalah yang mana lebih tinggi, antara Jumlah Asas Diinsuranskan atau Nilai Akaun pada Tarikh Penilaian Seterusnya. Ini hendaklah terpakai kepada semua faedah kematian yang berkaitan sepanjang Risalah Pendedahan Produk ini.
- Peruntukan untuk Premium Biasa Asas dan Premium Tambahan Berkala (dilaksanakan pada permulaan polisi) adalah 100%. Jumlah Premium Pelan Asas anda akan dibahagikan kepada 5.5% untuk Premium Biasa Asas dan 94.5% untuk Premium Tambahan Berkala (dilaksanakan pada permulaan polisi). Peruntukan untuk Premium Tambahan Berkala / Premium Tambahan Sekali yang dilaksanakan selepas permulaan polisi adalah hanya 95%, manakala 5% daripada caj yang tidak diperuntukkan akan digunakan untuk memenuhi komisen dan perbelanjaan syarikat bagi premium tambahan ini.
- Nilai polisi bagi polisi ini akan berubah secara langsung dengan prestasi dana-dana unit.

**Harap Maklum:** Caj-caj insurans anda (ditolak daripada nilai akaun) akan meningkat dengan peningkatan usia anda. Pada tahun terkemudian, nilai akaun terkumpul mungkin tidak cukup untuk membayar caj-caj insurans dan yuran tambahan anda kerana pulangan pelaburan yang kurang memuaskan atau pengeluaran, yang boleh menyebabkan polisi anda diluputkan. Anda mungkin perlu menambah premium anda atau mengurangkan pengeluaran anda (jika berkenaan), jika anda ingin mengekalkan polisi insurans anda.

## 2. Apakah perlindungan / faedah yang disediakan?

Jumlah Diinsuranskan untuk pelan ini ialah RM <<Sum Assured>> dan tempoh perlindungan ialah <<100-Entry Age>> tahun atau ketika penamatian, yang mana berlaku dahulu.

### Faedah Kematian

Bagi tempoh dua (2) tahun polisi pertama, faedah kematian yang perlu dibayar untuk kematian akibat bukan kemalangan adalah amaun yang lebih tinggi antara jumlah premium yang dibayar bagi polisi ini ditolak sebarang cukai yang dikenakan atas premium, sebarang pengeluaran dan sebarang faedah yang dibayar, atau Nilai Akaun pada tarikh penilaian seterusnya. Faedah kematian yang perlu dibayar untuk kematian akibat bukan kemalangan dari tahun polisi ketiga dan faedah kematian yang perlu dibayar untuk kematian akibat kemalangan untuk semua tahun polisi adalah yang mana lebih tinggi, antara Jumlah Asas Diinsuranskan atau Nilai Akaun pada Tarikh Penilaian Seterusnya. Jumlah Asas Diinsuranskan akan dikurangkan dengan amaun pengeluaran separa.

### Faedah Kematangan

Jika Hayat Diinsuranskan masih hidup pada akhir tempoh polisi, Faedah Kematangan bersamaan dengan Jumlah Asas Diinsuranskan atau Nilai Akaun akan dibayar.

**Peringatan:** Sila baca Ilustrasi Produk dan Helaian Fakta Dana, yang mengandungi faedah-faedah produk dan objektif-objektif dana berkaitan pelaburan. Anda mestilah memilih pelan atau gabungan dana yang sesuai dengan matlamat kewangan dan profil risiko anda.

**PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT POLISI/PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Hong Leong Assurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).**

### **3. Berapakah premium yang perlu saya bayar ?**

Jumlah premium yang perlu anda bayar berbeza mengikut kriteria penanggungjaminan dan penilaian risiko kami.

Anggaran premium yang perlu anda bayar adalah seperti berikut:

Pelan	Jenis	Hayat Diinsuranskan	Premium Perlu Dibayar
			<<Payment mode>> (RM)
Hong Leong SMART Wealth Insurance - Premium Biasa Asas - Premium Tambahan Berkala (dilaksanakan pada permulaan polisi)	Pelan Asas	Hayat Diinsuranskan	<<Total Basic Regular Premium>> <<Total Regular Top Up Premium (executed at policy inception) Premium>>

Tempoh Premium:

Pelan/Rider	Premium dibayar berdasarkan umur Hayat Diinsuranskan pada awal tahun
Hong Leong SMART Wealth Insurance	Sehingga <<1st Life Assured's Entry Age + Premium Payment Term - 1>>

Syarikat insurans memperuntukkan 100% premium bagi Premium Pelan Asas untuk membeli unit dalam dana berkaitan pelaburan yang anda pilih. Yuran tambahan akan dikenakan untuk membayar komisen dan perbelanjaan syarikat insurans. Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada kadar peruntukan dan yuran tambahan yang ditunjukkan dalam Ilustrasi Produk.

Ia adalah penting untuk anda menerima dan simpan semua resit sebagai bukti bayaran premium.

### **4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?**

Yuran tambahan bulanan sebanyak 0.13% daripada Jumlah Asas Diinsuranskan permulaan (tahun polisi 1 hingga 3) dan RM8 (tahun polisi 4 dan seterusnya) akan dikenakan seperti berikut:

Tahun Polisi	Yuran Tambahan bulanan (RM)
1 hingga 3	<<Year 1-3's monthly supplementary fee>>
4 dan ke atas	8.00

Caj insurans dan yuran tambahan akan ditolak secara bulanan dari nilai unit anda. Secara umumnya, caj-caj insurans akan meningkat apabila anda semakin tua. Penyerahan polisi dan pengeluaran separa yang dilakukan dalam tempoh tiga tahun polisi pertama akan dikenakan caj. Butiran caj insurans dan yuran/caj-caj lain bagi polisi berkaitan pelaburan anda akan dinyatakan dalam Ilustrasi Produk.

Caj insurans dan caj-caj lain yang diilustrasikan adalah berdasarkan tahap semasa. Kadar caj insurans dan caj-caj lain adalah tidak terjamin dan mungkin diubah dari semasa ke semasa dengan memberi notis tiga (3) bulan kepada Pemunya Polisi untuk revisi ke atas. Walau bagaimanapun, ia boleh diubah serta-merta selepas memberikan notis bertulis untuk sebarang revisi ke bawah. Sila rujuk kontrak polisi untuk terma dan syarat di bawah polisi ini.

Premium dan sebarang pelaburan semula daripada tuntutan atau faedah yang dibayar, jika berkenaan, untuk polisi yang diperuntukkan kepada organisasi perniagaan akan tertakluk kepada 8% cukai perkhidmatan.

**5. Apakah antara terma dan syarat utama yang perlu saya ketahui?**

- Kepentingan pendedahan – anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti kewarganegaraan dan menyatakan umur anda yang sebenar.
- Tempoh bertenang – anda boleh membatalkan polisi anda dengan mengembalikan polisi dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran polisi. HLA akan membayar balik kepada anda premium yang tidak diperuntukkan, nilai unit yang telah diperuntukkan (jika ada) pada harga unit pada tarikh penilaian berikutnya, apa-apa caj-caj insurans, yuran tambahan bulanan dan sebarang cukai yang berkenaan yang telah ditolak setelah menolak perbelanjaan perubatan yang mungkin telah dikenakan.
- Bayaran premium yang tidak dilakukan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh premium perlu dibayar akan menyebabkan penyerahan polisi secara automatik dan Nilai Penyerahan akan dibayar dan polisi akan ditamatkan.
- Anda hanya boleh menikmati faedah terjamin yang disebut dalam Ilustrasi Produk dan Risalah Pendedahan Produk, contohnya Faedah Kematian Terjamin, jika polisi masih berkuat kuasa.
- Nilai tunai - nilai tunai polisi berkaitan unit bergantung pada prestasi dana berkaitan unit yang dipilih. Tahap perlindungan insurans yang dipilih semakin tinggi, semakin banyak unit akan diserap untuk membuat bayaran insurans dan semakin kurang unit yang tinggal untuk mengumpul nilai tunai di bawah polisi anda.
- Polisi luput – Polisi akan luput apabila nilai bagi unit pelaburan adalah tidak mencukupi untuk membayar caj insurans dan yuran/caj-caj lain. Walau bagaimanapun, anda diberi tiga puluh (30) hari tempoh tangguh untuk bayaran premium.
- Caj insurans anda (dipotong daripada nilai akaun) akan meningkat apabila anda semakin tua. Pada tahun-tahun kemudian, ada kemungkinan nilai akaun terkumpul tidak mencukupi untuk membayar caj insurans dan yuran tambahan anda disebabkan pulangan pelaburan yang lemah atau pengeluaran, yang akan mengakibatkan polisi anda luput. Anda mungkin perlu menambah premium anda atau mengurangkan pengeluaran anda (jika berkenaan), jika anda ingin meneruskan polisi insurans anda.
- Anda harus memastikan bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dan anda mampu membayar premium.
- Terdapat peruntukan untuk penamaan dan penyerahan hak. Dimaklumkan bahawa penama perlu dilantik dan pastikan penama mengetahui tentang polisi yang anda beli.
- Semua permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan penanggungjaminan.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk mendapatkan terma dan syarat di bawah polisi ini.

**6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?**

**Faedah Kematian**

Sekiranya Hayat Diinsuranskan secara waras atau tidak waras, membunuh diri dalam tempoh dua belas (12) bulan dari Tarikh Penerbitan, Tarikh Pindaan Efektif atau Tarikh Pengembalian Semula, yang mana terkemudian, polisi akan jadi tidak sah. Faedah kematian tidak akan dibayar dan Syarikat hanya akan membayar balik premium yang tidak diperuntukkan (jika ada), nilai unit yang telah diperuntukkan (jika ada) pada harga seunit pada tarikh penilaian seterusnya, sebarang caj insurans, yuran tambahan, dan apa-apa cukai yang dikenakan tolak apa-apa yuran perubatan yang ditanggung dan faedah yang dibayar.

**7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?**

Membeli polisi berkaitan unit premium tunggal adalah komitmen kewangan jangka panjang. Anda dinasihatkan supaya tidak memegang polisi ini untuk jangka pendek memandangkan kos permulaan polisi ini. Jika polisi ini ditamatkan awal, anda mungkin akan mendapat amaun yang kurang daripada amaun premium dibayar. Sekiranya anda mendapat bahawa dana yang dipilih itu tidak lagi sesuai, anda diberikan kelonggaran untuk membuat pertukaran dana tanpa apa-apa yuran.

**8. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya bertukar alamat dan nombor telefon?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan butiran perhubungan anda (termasuk butiran bagi penama dan/atau pemegang amanah) bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda dan/atau penama/pemegang amanah anda tepat pada masanya.

**9. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut tentang insurans berkaitan pelaburan, sila rujuk buku panduan *insuranceinfo* tentang ‘Insurans Berkaitan Pelaburan’, yang disediakan di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan senaskhah daripada kakitangan bancassurance.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**Hong Leong Assurance Berhad**  
**Level 3, Tower B, PJ City Development**  
**No 15A, Jalan 219, Seksyen 51A**  
**46100 Petaling Jaya, Selangor**  
**P.O.Box 120, 46710 Petaling Jaya**

**Pengantara:**

**Hong Leong Bank Berhad**  
**Level 1, Menara Hong Leong**  
**No. 6, Jalan Damansara**  
**Bukit Damansara**  
**50490 Kuala Lumpur**

**Tel: 03-7650 1288**

**Faks: 03-7650 1299**

**Laman Web: [www.hla.com.my](http://www.hla.com.my)**

**10. Jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan**

Sila rujuk kakitangan bancassurance kami untuk mengetahui jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan.

**MAKLUMAN PENTING:**

INI MERUPAKAN SUATU PRODUK INSURANS YANG TERIKAT DENGAN PRESTASI ASET DASAR, DAN BUKAN SUATU PRODUK PELABURAN TULEN SEPERTI AMANAH SAHAM. ANDA MESTILAH MENILAI PILIHAN ANDA DENGAN TELITI DAN ANDA BERPUAS HATI BAHAWA PELAN BERKAITAN PELABURAN YANG DIPILIH SESUAI DENGAN TAHP RISIKO ANDA, DAN ANDA BERUPAYA MEMBAYAR PREMIUM SEPANJANG TEMPOH PEMBAYARAN PREMIUM. BAGI MENINGKATKAN NILAI PELABURAN PADA BILA-BILA MASA, ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBAYAR TAMBAHAN PREMIUM SEBAGAI ‘TAMBAHAN’. PULANGAN BAGI DANA BERKAITAN PELABURAN ADALAH TIDAK TERJAMIN.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah setakat <<system date>>

## Panduan Perkhidmatan - Perkhidmatan Kami Kepada Anda

Bank menawarkan pelbagai produk insurans Hong Leong Assurance melalui cawangannya di seluruh negara. Jika anda ingin membeli produk insurans hayat daripada Jurubank Peribadi/Wakil Bank kami, anda boleh menikmati perkhidmatan nilai tambahan berikut:

Sebelum Anda Membeli Polisi	Apabila Anda Membuat Keputusan untuk Membeli Polisi	Semasa Tempoh Polisi
<p><b>Membantu Anda Memilih Pelan Insurans Yang Sesuai</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>❖ Meneliti kandungan Borang Pencarian Fakta Pelanggan dengan anda untuk lebih memahami keperluan insurans dan matlamat kewangan anda.</li><li>❖ Mencadangkan pelan insurans yang sesuai selepas menilai keperluan anda .</li></ul> <p><b>Menerangkan Ciri-Ciri Produk</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>❖ Menerangkan ciri-ciri produk, manfaat yang dibayar, pengecualian, premium dan yuran/caj-caj.</li><li>❖ Menyediakan Ilustrasi Produk, Risalah Pendedahan Produk, dan bahan lain yang berkaitan untuk membantu anda membuat keputusan yang tepat dan untuk memudahkan perbandingan produk .</li></ul>	<p><b>Membantu Anda Dengan Permohonan Polisi</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>❖ Menerangkan kepentingan menjawab soalan-soalan di dalam borang permohonan dengan lengkap dan tepat .</li><li>❖ Menghantar permohonan untuk proses pengundertaitan selepas anda menandatangani borang permohonan .</li><li>❖ Mengatur untuk pemeriksaan kesihatan di salah satu daripada klinik panel kami, jika diperlukan .</li><li>❖ Memberi maklumat dan memaklumkan kepentingan membuat penamaan untuk memastikan manfaat yang perlu dibayar akan diterima oleh beneficiari anda sekiranya berlaku kematian .</li></ul> <p><b>Menerangkan Terma Dan Syarat Polisi</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>❖ Dokumen polisi anda akan dihantar kepada anda (melalui serahan tangan, pos atau secara elektronik) dalam masa 7 hari dari tarikh polisi dikeluarkan .</li><li>❖ Meneliti kandungan terma-terma dan syarat-syarat polisi untuk memastikan pelan yang dibeli sesuai dengan keperluan anda .</li></ul>	<p><b>Perkhidmatan Polisi Yang Berterusan</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>❖ Membantu dalam mengemukakan permintaan perkhidmatan anda kepada Hong Leong Assurance Berhad, cth. pengubahsuaian polisi, pertukaran alamat dan kekerapan pembayaran premium .</li></ul> <p><b>Membantu Anda Membuat Tuntutan</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>❖ Membantu untuk mengemukakan borang tuntutan dan dokumen kepada Hong Leong Assurance Berhad .</li></ul>

### Portal Pelanggan

Sila layari sesawang korporat Hong Leong Assurance Berhad di <https://www.hla.com.my>. Apabila anda berada di sesawang tersebut, sila klik pada banner HLA360° untuk akses dalam talian kepada maklumat polisi anda.

Jika anda memerlukan maklumat lanjut atau bantuan daripada Hong Leong Assurance Berhad, sila hubungi Hong Leong Assurance Berhad di 03-7650 1288 atau e-mel Hong Leong Assurance Berhad di [customerservice@hla.hongleong.com.my](mailto:customerservice@hla.hongleong.com.my).